

# Pupuk minat generasi muda sertai kerjaya perubatan

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program UPM Young Doctors' Day (YDD) 2017 Siri Ketiga, baru-baru ini, bagi mendorong minat generasi muda terhadap bidang perubatan dan menjadikannya kerjaya pada masa depan.

Seramai 100 murid dari empat sekolah menyertai program itu, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Serdang, SK Sri Serdang, SK Cyberjaya dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) FES Serdang.

Pengarah program, Dr Masriana Hassan, berkata pengisian kali ini berbeza daripada siri sebelumnya dengan penerapan modul

kesihatan menarik *Young and Health*.

"Murid terbabit antara lain didedahkan dengan maklumat gaya hidup sihat, penyakit disebabkan pemakanan, cara betul mencuci tangan, gejala merokok, sel darah dan penyakit berkaitan darah.

## **Aktiviti interaktif**

"Peserta bukan sahaja dapat belajar mengenai kesihatan dan langkah penjagaan kesihatan secara umum, bahkan mendalami ilmu pengetahuan itu melalui aktiviti interaktif bersesuaian peringkat umur mereka," katanya.

Program itu dianjurkan melalui Jabatan Patologi,


**Program UPM YDD 2017** Siri Ketiga dapat mendorong minat generasi muda menceburi kerjaya dalam bidang perubatan pada masa depan.



Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dengan kerjasama Jabatan Sains Bioperubatan, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, serta Jabatan Ortopedik. Yang turut hadir ialah

Timbalan Dekan (Siswazah dan Jaringan Industri dan Masyarakat) FPSK, Prof Madya Dr Shamsul Bahri Md Tamrin.

Sementara itu, Dr Shamsul Bahri berharap



**Murid didedahkan dengan** pelbagai modul menarik dalam bidang perubatan.

program berkenaan dapat membantu penguasaan peserta dalam subjek Sains dan menggalakkan minat mereka terhadap kerjaya berkaitan bidang perubatan.

"Pada program ini, pakar perubatan turut berkongsi ilmu pengetahuan dengan peserta, manakala 23 pelajar jurusan perubatan membantu sebagai fasilitator," katanya.